



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
STATUS SEMASA BILANGAN PENGEMASKINIAN SOSIOEKONOMI
DI SISTEM PADU**

1.2 juta Penjawat Awam telah selesai mengemaskini di PADU, kaunter fizikal ditambah dengan melibatkan 60 perpustakaan desa di seluruh negara

PUTRAJAYA, 16 Februari 2024 – Sejumlah 1.2 juta penjawat awam di seluruh negara telah selesai mengemaskini profil sosioekonomi di Pangkalan Data Utama (PADU) setakat 15 Februari 2024.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Sehingga kini bilangan pengemaskinian individu berdaftar secara kumulatif di Malaysia adalah 3.43 juta. Ini meliputi warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan lebih serta pemastautin tetap. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam Status Semasa Bilangan Pengemaskinian PADU Penjawat Awam.

Beliau mengulas lanjut bahawa baru-baru ini, DOSM juga telah menjalin kerjasama strategik bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Enam puluh buah Perpustakaan Desa (PD) dijadikan sebagai pusat pendaftaran tambahan untuk PADU di samping lebih 900 Pusat Ekonomi Digital (PEDI), Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas lanjut, "Pendaftaran PADU berbaki 43 hari akan dibuka sehingga 31 Mac 2024. Rakyat Malaysia dinasihatkan agar tidak melaksanakan pengemaskinian PADU pada saat-saat akhir kerana ia akan mengakibatkan kesesakan pada sistem. Sementara itu, bagi membantu pengemaskinian secara sendiri, sila hubungi talian hotline 1-800-88-7720 / 21 yang beroperasi bermula 8.00 pagi sehingga 9.00 malam setiap hari. Sebarang maklum balas, aduan, penghargaan, pertanyaan serta cadangan penambahbaikan berkenaan sistem dan mekanisme pelaksanaan PADU boleh disalurkan kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) PADU <https://padu.spab.gov.my>."

Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Digital Negara turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang telah mengemaskini maklumat di PADU. Ucapan tahniah juga diucapkan kepada semua penjawat awam yang telah memberi komitmen dan kerjasama bagi melengkapkan maklumat di PADU.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 FEBRUARI 2024**